

Remaja lelaki 14 tahun rugi RM295,950 jadi mangsa sindiket love scam

Guna duit bapa bagi kekasih online

KUANTAN – Seorang remaja lelaki sanggup menyerahkan wang berjumlah RM295,950 kepada kepada ‘gadis’ yang dikenalinya menerusi laman Facebook sejak bulan Februari lalu.

Mangsa dikatakan menggunakan wang simpanan bapanya, seorang peniaga emas untuk diberikan kepada suspek yang menggunakan nama dalam talian Dea Anis secara berperingkat.

Kejadian itu hanya disedari oleh bapa mangsa yang berusia 53 tahun pada bulan lalu selepas mendapati wang simpanannya susut.

Bapa mangsa kemudiannya bertanyakan perkara tersebut kepada anaknya kerana sebelum ini remaja tersebut pernah membantu menguruskan transaksi perbankan online.

Mangsa mengaku menggunakan wang yang diberikan kepada seorang gadis menggunakan



MOHD. WAZIR

nama Dea Anis atau Anis Anis di Facebook.

Ketua Jabatan Siasatan Je-
nayah Komersial Pahang Super-
intendent Mohd. Wazir Mohd.



Kita percaya remaja itu menjadi mangsa *love scam* atau penipuan cinta yang menggunakan modus operandi sama,” katanya di sini semalam.

MOHD. WAZIR

Yusof berkata, peniaga itu kemudian membuat laporan polis di Balai Polis Cameron Highlands dekat sini.

“Siasatan mendapati pada mulanya, remaja itu menghubungi suspek selepas tertarik dengan satu iklan jualan telefon bimbit di Facebook.

“Remaja itu menghubungi nombor telefon tertera dan hubungannya dengan gadis itu kemudiannya berlanjut hingga

ke aplikasi WhatsApp dan permainan dalam talian *Player Unknown's Battle Grounds (PUBG)*,” katanya di sini semalam.

Menurut Mohd. Wazir, selepas beberapa bulan berkenalan, suspek dikatakan memujuk remaja itu untuk meminjamkan wang atas pelbagai alasan dan berjanji akan memulangkan duit itu semula.

Mangsa yang termakan dengan pujukan itu kemudian menyerahkan wang dengan melakukan sebanyak 21 transaksi secara online berjumlah RM295,950 ke dalam dua akaun milik dua lelaki.

“Kesemua transaksi tersebut dilakukan secara berperingkat pada Mei hingga Julai lalu,” kata beliau.

Katanya, remaja itu pernah meminta suspek memulangkan semula wang tersebut, namun gadis tersebut tidak membala kiriman WhatsApp.

“Kita percaya remaja itu men-

jadi mangsa *love scam* atau penipuan cinta yang menggunakan modus operandi sama,” katanya.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Je-
nayah Komersial Bukit Aman, Datuk Saiful Azly Kamaruddin berkata, remaja itu merupakan individu termuda yang menjadi mangsa sindiket *love scam*.

“Mengikut laporan yang di-
terima, kebanyakan mereka yang
menjadi mangsa terdiri daripada golongan berusia pertengahan atau pesara,” katanya.

“Nasihat saya, sekiranya ma-
na-mana individu berkenalan melalui media sosial, adalah lebih baik untuk bertemu secara ber-
semuka sebelum memberikan sebarang bantuan terutamanya yang melibatkan wang,” katanya ketika dihubungi semalam.

Kes tersebut disiasat meng-
ikut Seksyen 420 Kanun Kesek-
saan kerana kesalahan menipu.